

Risau belum dapat kerja

Graduan universiti rasa rendah diri masih menganggur selepas enam bulan tamat pengajian

KAUNSELING REMAJA
Prof Madya Datin
Dr Sapora Sipon
rencana@hmetro.com.my

2 **SAYA** graduan institusi pengajian tinggi awam (IPTA) yang baru menamatkan pengajian dengan keputusan agak baik. Saya anak yang menjadi harapan keluarga kerana seorang saja yang berjaya masuk ke universiti.

Untuk pengetahuan, saya sudah hampir enam bulan menganggur. Sebelum menamatkan pengajian, saya pernah mencari kerja tapi yang biasa saja seperti kerja kilang, di kedai kasut dan butik. Saya bekerja tidak lama, sekadar ingin menimba pengalaman dan belajar untuk berinteraksi dengan orang ramai.

Sejak beberapa hari ini, saya sering mendapat mesej daripada teman belajar dulu yang sering bertanya perkembangan diri. Ini menyebabkan kadang-kadang saya segan sebab masih menganggur. Tambahan lagi, saya lihat ada antara rakan yang sudah mendapat pekerjaan bagus. Segelintir daripada mereka memperolehnya menggunakan orang dalam

dan ada yang bernasib baik menyambung kontrak dengan tempat praktikal dulu.

Saya pernah menghadiri temu duga tetapi komunikasi saya dalam bahasa Inggeris tidaklah hebat. Namun saya cuba sebaiknya, malah cuba memperbaikinya sendiri. Untuk pengetahuan Dr juga, ibu bapa saya tidak mempunyai kelulusan tinggi setakat darjah enam dan Sijil Rendah Pelajaran (SRP).

Kadang-kadang jika saya ingin meluahkan masalah, mereka tidak akan faham terutama bapa saya. Bapa sering mempertikaikan kebolehan saya, malah meluahkan rasa kesal kerana menghantar saya ke universiti, lebih-lebih lagi apabila dia melihat saya sukar mendapat kerja berbanding abang yang berkelulusan rendah. Emak pula sering membandingkan saya dengan anak jiran dan sepupu, malah sering mengeluh kerana merasakan saya mengambil kursus yang salah.

Saudara-mara juga sering berkata hal yang sama malah pernah seorang ibu saudara mengatakan saya ini hanya menghabiskan beras semata-mata kerana duduk di rumah saja.

Pada mulanya memang

saya pekakkan telinga tetapi lama kelamaan agak berkecil hati dengan mereka. Pernah juga saya menghadiri program kerjaya, kononnya memberi beribu-ribu peluang pekerjaan tetapi tiada balasan positif. Saya cuba juga menghantar resume di kilang berdekatan rumah namun tiada juga apa-apa perkembangan.

Saya selalu terfikir apa salah saya. Saya tahu rezeki memang ada sama ada lambat atau cepat namun disebabkan hal ini saya jadi putus asa dan bingung. Keyakinan diri juga semakin berkurangan. Jujurnya saya risau dengan masa depan saya.

MASIH Mencari,
Johor

1 **DOKTOR** simpati dengan masalah adik. Nilai kerjaya dalam hidup adalah tinggi. Ahli perkembangan kerjaya menjelaskan manusia bekerja untuk memperoleh nilai ekonomi iaitu sebagai satu cara untuk mendapatkan wang. Selain itu, pekerjaan juga mempunyai fungsi lain seperti menghubungkan individu dengan masyarakat.

Pekerjaan menyediakan

individu serta keluarga akan status, penghargaan dan juga elemen psikologi dan sosiologi. Ia menghubungkan individu dengan masyarakat yang kompleks.

Pekerjaan menyumbang kepada elemen psikologi individu. Justeru, apabila adik tidak mempunyai pekerjaan, adik menjadi putus asa, bingung serta mempunyai keyakinan diri yang berkurangan. Secara psikologinya, perasaan adik adalah reaksi normal tapi perlu dirawat.

Sikap bapa, keluarga dan saudara-mara terhadap adik disebabkan harapan mereka yang tidak dipenuhi. Memperlekehkan dan membuat perbandingan berlaku kerana mereka mengharapkan adik memperoleh pekerjaan selesa sebaik tamat pengajian.

Reaksi sebegini walaupun melukakan hati tapi berlaku kerana adik masih belum memenuhi tuntutan mereka iaitu memperoleh pekerjaan selesa.

Masalah sukar mendapat pekerjaan juga dihadapi ramai lepasan universiti ketika ini. Setiap tahun, ramai graduan dilahirkan institusi pendidikan tempatan ataupun luar negara. Beberapa tahun kebelakangan ini,

dikatakan graduan muda sukar mendapat pekerjaan.

Beberapa pandangan timbul mengenai isu ini. Antaranya, pandangan yang menjelaskan ramai lepasan universiti tidak mempunyai beberapa kemahiran termasuk komunikasi, penampilan diri serta penulisan resume.

Pihak graduan pula melihat majikan terlalu memilih. Majikan mahukan pekerja berpengalaman tetapi gaji yang murah berbanding sepatutnya. Pandangan ini menjelaskan majikan tidak mahu mengeluarkan kos untuk memberi kursus atau latihan pekerjaan kepada graduan baru.

Seterusnya, ada graduan yang melihat terdapat institusi pendidikan kurang memberikan pendedahan dunia pekerjaan sebenar. Misalnya memberikan peluang latihan industri kepada bakal graduan mereka.

Apapun pandangan, pihak terbabit seperti kerajaan, swasta, persatuan yang mewakili majikan dan pencari kerja perlu berbincang untuk mencari jalan mengatasi masalah pengangguran di kalangan graduan.

Antara cadangan dibekalkan ialah institusi pendi-

dikan memainkan peranan membantu graduan mendapatkan pekerjaan. Institusi pendidikan boleh memberikan pendedahan dunia pekerjaan sebenar melalui latihan Industri dan kemahiran berkomunikasi.

Majikan pula boleh memberi peluang kepada graduan baru untuk menimba pengalaman dengan memberikan latihan dan kursus bersesuaian dengan kerja diberikan.

Usaha yang berterusan daripada adik untuk mendapatkan pekerjaan amat diperlukan. Pekerjaan perlu dicari dan bukan ditunggu.

Seorang Muslim adalah seorang yang tidak mengenali erti putus asa dan sentiasa berusaha bersungguh-sungguh dalam apa jua perkara (lihat surah al-Zumar: ayat 39).

Usaha daripada adik termasuk menghadiri karnival kerjaya, meningkatkan kemahiran berbahasa Inggeris, berkomunikasi, penampilan diri dan penulisan resume.

Berfikir positif bahawa segala teguran bapa serta keluarga adalah pembakar semangat untuk terus berusaha mencari pekerjaan dapat meningkatkan keyakinan diri.

Dihantui kisah silam kekasih

melalui laman sosial apabila seorang perempuan mengaku dirinya pernah melakukan seks oral bersama teman lelaki saya. Apabila saya bertanya kepadanya, dia mengatakan semua itu adalah kesilapannya pada usia yang sangat muda.

Sekarang pujaan hati saya berumur 25 tahun. Maknanya perbuatan yang dilakukan sudah lebih tiga atau empat tahun berlalu.

Persoalannya, bolehkah saya menerima dan melupakan kisah silamnya itu?

Bolehkah saya menerima dia menjadi suami? Saya bimbang mengenai masa depan memandangkan bapanya berkahwin lebih daripada satu.

Dia memberitahu, sejak mengenali saya, hidupnya berubah daripada tidak menunaikan solat kepada rajin bersolat, tidak pandai membaca doa qunut hingga pandai. Tapi mampukah dia bertahan dengan perubahan

sikap itu?

Saya tidak faham kenapa dia membiarkan dirinya disentuh dulu dan bukannya saya yang pertama. Saya tidak boleh meninggalkannya kerana sayang.

MAWAR,
Sabah

1 **HANYA** adik yang dapat menjawab segala keraguan bertakhta di hati. Soal cinta adalah soal hati. Jika perasaan ragu-ragu sentiasa terpalit dalam hubungan cinta, sukar cinta itu berkembang mekar kerana cinta yang penuh dengan keraguan hanya akan menambahkan lagi bebanan.

Begitu juga cinta yang terselit pendustaan, ibarat kehidupan bercampur gaul dengan penghinaan. Adik menyatakan tidak faham kenapa teman lelaki membiarkan wanita yang ditemui itu disentuh dulu dan bukannya adik orang

pertama.

Apa yang teman lelaki lakukan adalah kisah silamnya. Benar kata orang 'reaksi emosi jangan dituruti kerana implikasinya tidak seperti yang diimajinasi'.

Ternyata peristiwa lampau teman lelaki kini menghantui kembali hubungan cinta adik berdua. Walaupun apa yang teman lelaki lakukan hanya seketika tetapi kesannya tetap terpalit.

Kesediaan teman lelaki menjawab persoalan lalu mengenai tingkah laku buruk dalam hubungan terlarang dihargai kerana pengalaman lalu bukanlah sebagai alasan bagi kita mengelak untuk menjawab setiap persoalan tetapi ia sebagai guru untuk menjawab setiap persoalan yang timbul.

Adik perlu bertanya kepada diri sendiri sama ada adik sanggup menerima teman lelaki bersama kisah

silamnya itu. Jika ya, kata mudah cinta membenarkan 'jika kita cinta dan sayang seseorang, kita mestilah dapat menerima mereka walaupun tahu kisah silam yang pernah dilaluinya dan apa yang penting adalah kejujuran, kesetiaan dan kepercayaan antara satu sama'.

Adik juga perlu mencintai teman lelaki atas dasar siapa dia sekarang dan bukan siapa dia sebelumnya. Kisah silam seseorang tidak perlu diungkit lagi sekiranya kita benar-benar menyintainya setulus hati.

Keupayaan untuk memaafkan seseorang ada kemanisannya. Kesanggupan adik memberi peluang kedua kepada teman lelaki adalah lebih baik daripada tidak memberikan sebarang peluang.

Kata pepatah, 'lazatnya memberi maaf lebih baik daripada lazatnya membalas dendam' dan 'tidak sukar

untuk berubah andai hati ikhlas untuk melakukannya. Tapi memang sukar untuk berubah jika hati yang memaksanya'.

Perubahan positif teman lelaki adalah sesuatu yang baik. Daripada tidak menunaikan sembahyang, kini dia rajin bersolat. Begitu juga, teman lelaki kini mahir membaca doa qunut. Sama ada teman lelaki kekal dengan perubahan ini, banyak bergantung kepada keikhlasan dirinya.

Ahli psikologi ada mengatakan, hiduaplah pada masa sekarang. Jika terlalu bergantung kepada masa silam, ia hanya akan menimbulkan kesan psikologi yang celaru.

Jika adik masih lagi tidak dapat melupakan kisah lampau teman lelaki, elok adik melihat kembali arah tuju perhubungan cinta adik berdua.

Kini, keputusan di tangan adik. Buatlah keputusan yang terbaik kerana cinta ialah apabila bertemu dan membuat pilihan yang tepat.

2 **RASANYA** sebak dada menanggung perasaan ini. Saya remaja perempuan berusia awal 20-an. Saya akui dalam memilih pasangan, saya jahil.

Umur remaja banyak memerangkap saya dalam kancah percintaan. Memang saya mengharapkan cinta yang sedang saya lalui penuh kebahagiaan. Rupa-rupanya, lumrah orang bercinta, ada pahit dan manisnya.

Dalam pertemuan yang sangat singkat iaitu kurang setahun, saya menjalin hubungan bersama seorang lelaki. Tahun pertama bercinta segalanya indah belaka. Saya cukup yakin dengan hubungan saya. Dia pun begitu.

Masalah mula timbul apabila saya mendapat tahu sebelum dia mengenali saya, dia sudah melakukan hubungan terlarang bersama seorang perempuan yang hanya dikenalnya selama sehari.

Berita itu saya ketahui